



PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

HUKUM MENGUGURKAN KANDUNGAN BAGI MANGSA ROGOL



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Jabatan Perdana Menteri

Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya

No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3

62100 Putrajaya, Malaysia.

Tel. No. : 03-8870 9000

Fax No. : 03-8870 9101 / 03-8870 9102

Email : ukk[at]muftiwp[dot]gov[dot]my

MUKADIMAH

Perbuatan rogol adalah perbuatan keji yang diharamkan dalam Islam. Hukum asal menggugurkan kandungan selepas dari janin tersebut ditiupkan roh adalah haram berdasarkan ijmak ulama kerana ia dianggap membunuh makhluk Allah SWT yang bernyawa.

(al-Mausu'ah al-Kuwaitiyyah)

Berkenaan bilakah roh ditiupkan dalam janin, sebahagian ulama berpendapat bahawa janin mula ditiupkan roh pada usia 120 hari atau 4 bulan. Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ

Maksudnya: "Sesungguhnya setiap daripada kamu dihimpunkan penciptaannya di dalam rahim perut ibunya selama 40 hari, kemudian jadilah (nutfah) itu segumpal darah selama tempoh itu juga, kemudian jadilah (`alaqah) itu segumpal daging selama tempoh itu juga, kemudian diutuskan malaikat dan ditiupkan ke dalamnya roh."

(Riwayat Muslim)

Hukum Menggugurkan Kandungan Sebelum Janin Ditiupkan Roh

Menurut mazhab Syafii, hukum menggugurkan kandungan sebelum janin tersebut ditiupkan roh adalah harus. Ini merupakan pendapat yang muktamad.

Imam Ramli berkata:

وَالرَّاجِحُ تَحْرِيمُهُ بَعْدَ نَفْخِ الرُّوحِ مُطْلَقًا وَجَوَازُهُ قَبْلَهُ.

Maksudnya: "Pendapat yang kuat adalah haram menggugurkan kandungan setelah ditiupkan roh secara mutlak dan harus menggugurkannya sebelum ditiupkan roh."

(Nihayah al-Muhtaj)

Sheikh Qalyubi dan Umairah menyebutkan dalam kitab *Hasyiah* bahawa:

نَعَمْ يَجُوزُ إِلْقَاؤُهُ وَلَوْ بِدَوَاءٍ قَبْلَ نَفْخِ الرُّوحِ فِيهِ خِلَافًا لِلْغَزَالِيِّ

Maksudnya: "Harus menggugurkan kandungan sebelum ditiupkan roh walaupun dengan menggunakan ubat berbeza dengan pandangan Imam al-Ghazali."

Menurut sebahagian ulama mazhab Syafi'i seperti Ibn Hajar al-Haitami:

- ❖ Menggugurkan kandungan sebelum ditiupkan roh adalah haram seperti yang difahami dari perkataan Imam al-Ghazali dalam kitab al-Ihya.

(Tuhfah al-Habib Syarh al-Khatib)

- ❖ Imam al-Ghazali berpendapat sekalipun janin tersebut belum ditiupkan roh namun ia sudah sedia menerima untuk ditiupkan roh kepadanya.
- ❖ Menurut Imam al-Ghazali, jenayah menggugurkan bayi ini menjadi bertambah keji apabila janin tersebut semakin membentuk menjadi manusia yang sempurna.

(Ihya' 'Ulum al-Din)

Isu Pengguguran Janin Dari Sudut Undang-undang Di Malaysia

Dari sudut undang-undang di Malaysia menurut Seksyen 312 Kanun Keseksaan (Akta 574)[8], menggugurkan kandungan sendiri dianggap sebagai satu kesalahan jenayah. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan bagi kes perubatan di bawah pandangan pakar perubatan atau ibu mengalami gangguan mental yang teruk.

Pengecualian - Seksyen ini tidak diperluaskan kepada seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 yang menamatkan kehamilan seseorang perempuan jika pengamal perubatan tersebut berpendapat bahawa penerusan kehamilan itu akan melibatkan risiko kepada nyawa perempuan yang hamil itu, atau kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental perempuan hamil itu, yang lebih daripada jika kehamilan itu ditamatkan.

Menurut kajian Siti Khatijah Ismail dan Mohd. Badrol Awang, kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental boleh berlaku akibat daripada menjadi mangsa rogol atau dia disahkan menghidap HIV. Walau bagaimanapun, untuk mengesahkan perkara ini hendaklah dipastikan oleh mereka yang pakar dalam bidang berkaitan dengan kawalan yang ketat.

Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-60/2002 memutuskan bahawa:

"Mesyuarat mengambil keputusan bahawa harus menggugurkan kandungan mangsa rogol dengan syarat kandungan tersebut belum mencapai umur 4 bulan atau 120 hari."

KESIMPULAN

- ❖ Hukum menggugurkan kandungan bagi mangsa rogol adalah harus sebelum kandungan berusia 4 bulan.
- ❖ Haram menggugurkan kandungan setelah 4 bulan kecuali di atas alasan yang benar-benar kuat seperti menyelamatkan nyawa si ibu.

Walau bagaimanapun, dalam semua situasi yang dibincangkan di atas, ia perlu tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di negara ini.

IKUTI KAMI:

You
Tube



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan



t.me/pmwprasmi



@pejabatmuftiwp